

Simposium Perdana Haji bakal dibawa ke Kuala Lumpur



MOHD. NA'IM (tiga dari kiri) mendengar penerangan daripada seorang pempamer mengenai Misi 2030 Arab Saudi ketika menghadiri Simposium Haji Perdana di Jeddah semalam.

JEDDAH – Malaysia berhasrat untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran Simposium Haji Perdana demi manfaat kepada rakyat dan negara ASEAN selain memperkukuhkan lagi hubungan Kuala Lumpur-Riyadh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, perbincangan mengenai perkara itu akan dilakukan dengan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Dr. Tawfiq Fawzan Muhammed Al-Rabiah.

Sekiranya berhasil, banyak negara ASEAN termasuk Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei dan sebagainya akan mendapat manfaat kerana ia lebih dekat untuk dihadiri berbanding terpaksa pergi ke Arab Saudi.

“Selain itu, pemain industri juga

berpeluang hadir serta mengetahui mengenai selok-belok penambahbaikan perkhidmatan haji dan umrah selain belajar bagaimana hendak mengurangkan kos yang semakin meningkat.

“Lagi awal perbincangan ini dilakukan, lagi bagus kerana kerajaan dan Tabung Haji (TH) telah bersedia sekiranya hasrat itu dipersetujui. Tambahan pula, ia sebagai satu penghormatan kepada Malaysia untuk membantu negara lain,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu, Mohd. Na'im hadir ke simposium kali ke-47 itu bersama Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Syed Hamadah Syed Othman dan Pengarah Eksekutif Haji, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul

Rahman atas jemputan kerajaan Arab Saudi.

Simposium itu dipengerusikan oleh Imam Masjidilharam, Abdur Rahman Al-Sudais.

Ia juga membincangkan mengenai sistem Mecca Route yang memberi keselesaan kepada jemaah haji dari lapangan terbang hingga ke Tanah Suci.

Ia menarik minat lebih 500 peserta daripada 50 negara yang melibatkan perbincangan 10 kertas kerja pelbagai isu berkaitan jemaah haji.

Menurut Mohd. Na'im, simposium itu juga akan menjadi pentas untuk pensyarah dan orang ramai yang berminat untuk menulis buku mengenai perjalanan ke Tanah Suci bagi mengembangkan lagi bakat serta idea mereka.